

AHLI LEMBAGA PENGARAH



Y. Bhg. Tan Sri Dato' Haji Abu Zahar Bin Dato' Nika Ujang
P.S.M, D.S.N.S, A.M.N

Pengerusi

Dilantik sebagai Pengerusi Lembaga berkuatkuasa pada 1 April 2007 hingga kini. Beliau pernah berkhidmat sebagai Pegawai Kanan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Pengerusi RISDA bagi tempoh 1998 hingga 2003. Jawatan yang masih disandang ialah Presiden Majlis Bekas Wakil Rakyat Malaysia (MUBARAK), Naib Presiden Majlis Veteran UMNO Malaysia, Timbalan Presiden Persatuan Peguam-Peguam Muslim Malaysia, Pengerusi Persatuan Bekas Wakil Rakyat (MUBARAK) Cawangan Negeri Sembilan, Ahli Jawatankuasa Pemegang Amanah Yayasan Pendeta Za'ba, Ahli Majlis Yayasan Golden Hope Plantation dan Ahli Majlis Pengakap Malaysia.



Y. Bhg. Dato' Sri Haji Abdul Rashid Bin Haji Abdul Rahman
S.S.A.P, P.J.N, D.S.A.P, S.M.P,
K.M.N, A.M.N, P.P.N, P.J.K

Timbalan Pengerusi

Dilantik sebagai Timbalan Pengerusi Lembaga pada tahun 1984 hingga kini. Beliau pernah berkhidmat sebagai Menteri Besar dan Timbalan Menteri Besar Negeri Pahang, Exco Kerajaan dan Ahli Dewan Negeri Negeri Pahang. Beliau adalah juga Pengerusi Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) semenjak 24 Disember 1984.



Y. Bhg. Dato' Haji Abd. Rahim Bin Haji Ahmad
D.S.D.K, J.S.M, P.M.P, K.M.N, A.M.P,
B.C.K, P.J.K

Setiausaha

Dilantik sebagai Ketua Pengarah pada 2 Ogos 2006. Beliau pernah berkhidmat sebagai Timbalan Ketua Pengarah Pengurusan LPP, Pengarah LPP Negeri Sembilan, Kedah, Johor dan Perak, Ketua Penolong Pengarah Pertubuhan dan Pegawai Kredit LPP. Beliau berpengalaman dalam bidang pertanian dan telah dilantik sebagai Ahli Tetap Lembaga Pengelola, Lembaga Koko Malaysia, Ahli Majlis Maktab Kerjasama Malaysia, Ahli Lembaga FAMA dan Ahli Lembaga Tembakau Malaysia.



**Y.Brs Encik Roseley
Bin Dato' Khalid
A.M.N**

Ketua Pengarah
Jabatan Pertanian Malaysia

Y. Brs. Encik Roseley Bin Dato' Khalid telah dilantik sebagai Ahli Lembaga pada 1 April 2008. Berpengalaman berkhidmat di pelbagai bahagian di Jabatan Pertanian. Jawatan-jawatan yang pernah disandang ialah sebagai Timbalan Ketua Pengarah Operasi dan Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Jabatan Pertanian, Pengarah di Bahagian Padi, Tanaman Industri dan Florikultur Jabatan Pertanian, Pengarah Bahagian Perancangan dan ICT Jabatan Pertanian dan pernah menjadi Atase Pertanian Malaysia dan Wakil Tetap Alternate Negara ke Food And agriculture Organization (FAO) of the United Nation di Rome, Itali.



**Y.Brs Dr. Ibrahim
Bin Abu Ahmad**

Timbalan Pengarah,
Malaysian Development Institute
(Mdi),
Unit Perancang Ekonomi,
Jabatan Perdana Menteri

Y.Brs.Dr Ibrahim Bin Abu Ahmad dilantik sebagai Ahli Lembaga pada 1 Oktober 2008. Pernah menjawat jawatan sebagai Pengarah Bahagian di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Timbalan Pengarah di Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Timbalan Pengarah di Direktorat Pelaksanaan Negara (NID), Ketua Penolong Setiausaha Bahagian di Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Ketua Penolong Setiausaha Bahagian di Jabatan Perdana Menteri.



Y.Brs Puan Che Wan Binti Abdullah

Setiausaha Bahagian Khidmat
Sokongan Dan Pembangunan
Industri (Ksi)
Kementerian Pertanian Dan Industri
Asas Tani

Puan Che Wan Binti Abdullah dilantik sebagai Ahli Lembaga pada 1 Disember 2007. Beliau pernah memegang jawatan sebagai Setiausaha Bahagian di Kementerian Pengajian Tinggi, Ketua Penolong Pengarah di MAMPU, Penolong Setiausaha di Kementerian Pertanian, Penolong Pengarah di Unit Perancang Ekonomi dan sebagai Penolong Setiausaha di Kementerian Perusahaan Utama.



Y.Bhg. Datuk Dr. Rahmat Bivi Binti Yusoff

PENGARAH
BAHAGIAN BELANJAWAN
KEMENTERIAN KEWANGAN
MALAYSIA

Y.Bhg. Datuk Dr. Rahmat Bivi Binti Yusoff dilantik sebagai Ahli Lembaga pada 1 Julai 2008. Beliau pernah memegang jawatan sebagai Setiausaha Bahagian Ekonomi di Kementerian Kewangan, Timbalan Pengarah Seksyen Ekonomi Makro, Unit Perancang Ekonomi, Pengarah di Jabatan Pembangunan Industri, Suruhanjaya Tenaga dan Sebagai Ketua Penolong Pengarah di Unit Perancang Ekonomi.



Tuan Haji Haron Bin A. Rahim K.M.N.

Tuan Haji Haron bin A. Rahim dilantik sebagai Ahli Lembaga pada 1 Mei 2007. Beliau pernah menyandang jawatan tertinggi sebagai Ketua Pengarah FAMA dan menjadi Ahli Lembaga LKIM, KADA dan Pemasaran Lada Hitam Malaysia serta Pengarah Eksekutif FAMACO.